



ROZMAN Isli pada Majlis Muhibah UMSKAL bersama Ahli Parlimen, pemimpin masyarakat dan agensi kerajaan di Bangunan Menara UMSKAL di Labuan, baru-baru ini.

UMSKAL perlu terus mantapkan hubungan dengan masyarakat setempat

UM 12.3.2014 26

LABUAN 11 Mac - Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) diharap terus aktif menjalinkan hubungan baik, bukan sahaja dengan masyarakat setempat tetapi turut melibatkan jabatan, agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.

Pengerusi Perbadanan Labuan, Da-

tuk Rozman Isli berkata, hubungan baik berterusan itu secara tidak langsung mampu menyatupadukan masyarakat pelbagai agama dan bangsa, sekali gus selari dengan gagasan 1Malaysia.

"Tidak terkecuali, UMSKAL juga perlu terus memberikan khidmat bakti kepada pembangunan masyarakat setempat terutama para pelajar se-

kolah rendah dan menengah sebagai perangsang kepada mereka untuk menanamkan azam bagi menyambung pengajian di universiti itu pada masa hadapan," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Labuan berkata demikian dalam Majlis Muhibah UMSKAL Bersama Ahli Parlimen, Pemimpin Masyarakat dan

Agenzia Kerajaan di Bangunan Menara UMSKAL di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd. Nadzri Osman; Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali; timbalannya, Dr. Goeffrey Harvey Tanakinjal dan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) univer-

siti itu, Prof. Madya Dr. Awang Asri Awang Ibrahim.

Hampir 150 ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan, pimpinan masyarakat, pensyarah dan pelajar UMSKAL menghadiri majlis itu yang julung kalinya diadakan.

Pada masa ini terdapat 104 kakitangan akademik di UMSKAL ter-

masuk dari Jepun dan Bangladesh, 182 kakitangan bukan akademik dan sebanyak 2,262 pelajar tempatan dan antarabangsa termasuk dari China, Turki dan negara Afrika.

Mereka mengikuti pengajian di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan dan SSIL bagi tempoh tiga tahun pengajian.